

بسم الله الرحمن الرحيم  
نحمده ونصلی على رسوله الكريم

## Doktrin Asha'irah Dalam Perspektif Pembinaan Ummah Islamiyyah: Satu Pengamatan Awal<sup>1</sup>

Oleh:

**Muhammad 'Uthman El-Muhammady**

Pembinaan Ummah Islamiyyah Dalam Doktrin Asya'irah dalam Ahlissunnah wal-Jama'ah (termasuk juga Maturidiyyah yang merupakan satu daripada dua serangkai dimensi Ahlissunnah itu) melibatkan pembicaraan tentang dimensinya dalam akidah, epistemologi dan kedudukannya sebagai kerangka peradaban. Ini semestinya demikian kerana pandangan hidup ditentukan oleh akidahnya, dan ini yang menentukan perkara-perkara pokok dalam peradaban terutama yang menyentuh perkara-perkara asasi tentang Tuhan, alam, kehidupan, manusia dan keabadian.

Epistemologi pula semestinya dibicarakan kerana ia menyentuh dimensi kefahaman tentang ilmu pengetahuan, segi-segi, keadaan, ciri-cirinya dan dimensi-dimensi lainnya yang mencorakkan peradaban; di satu pihak ia mengenai akidah juga, tetapi jangkauannya lebih lagi daripada akidah, sebab ia menyentuh semua aspek tentang ilmu.

Kerangka peradaban pula ditentukan oleh akidah dan epistemologinya, termasuk pengalamannya dalam sejarah umat ini, yang menunjukkan hasil interaksi antara akidah dan epistemologi dengan kolektiviti manusia dalam pengalaman Islam di dunia ini.

Pembicaraan tentang pembinaan umat dilibatkan dengan doktrin kerana pada dasarnya umat adalah kolektiviti rabbani yang bermula dengan individu, dan individu menjurus kepada pembinaan umat hanya dengan adanya akidah, epistemologi dan kerangka peradaban yang muncul daripadanya.

### Ahlissunnah: Doktrin Asya'irah Dalam Akidah:

- Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari rd (260-324 H/874-935 M), namanya Abu al-Hasan 'Ali ibn Isma'il ibn Abi Bishr Ishaq, pengasas aliran Asya'irah dalam Ahlissunnah wal-Jamaah, biasa disebut sebagai Abul-Hasan al-

---

<sup>1</sup> Untuk perbincangan dalam usrah Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT) pada 7 April-09 di Kuala Lumpur

Asy'ari rd. Beliau mula-mulanya berpegang kepada aliran Mu'tazilah, kemudian menganut pegangan Ahlissunnah wal-Jamaah sebagaimana yang dijelaskan dalam riwayat hidupnya, antaranya sebagaimana yang diulaskan oleh Dr Fauqiyyah Husain dalam tulisannya berkenaan dengan imam ini.

- Antara kitab-kitabnya yang banyak itu, nampaknya enam buah dipastikan antaranya: ‘Maqalat al-Islamiyyin’, ‘al-Risalah ila Ahl al-Thaghr bi Bab al-Abwab’, yang mengandungi huraian ringkas tentang ajarannya selepas ia berpegang kepada aliran Ahlissunnah; ‘al-Luma’ (اللمع), risalah ringkas tentang ajarannya yang diulas kemudiannya oleh al-Baqillani (men.1013) dan Ibn Furak (men.1015); ‘al-Iman’, tulisan ringkas tentang iman; ‘al-Ibanah ‘an Usul al-Diyah’, yang memberi penerangan tentang pendirian Ahlissunnah dan menyanggahi aliran Mu’tazilah dan para pengikut Jahm ibn Safwan (men.745) antara lainnya; ia mengeluarkan hujah untuk memberi keabsahan kepada aliran Ahlissunnah.
- ‘Al-Hath ‘ala al-Bahth’, yang memberi hujah tentang penggunaan pemikiran dan pemberian dalil akli dengan penggunaan istilah-istilah yang formal, diarahkan kepada mereka yang menentangnya dalam perkara demikian; mungkin dikarang kemudian daripada ‘al-Ibanah’. Ini diterbitkan beberapa kali dengan judul ‘Istihsan al-Khawd fi ’Ilm al-Kalam’
- Kemudian yang dimaksudkan Doktrin Asya’irah atau Ahlissunnah ialah ajaran dan amalan berdasarkan Qur’an, Sunnah, ijma’ dan kias (dan yang sepertinya) di kalangan mereka yang muktabar dalam sejarah umat Islam.
- Ia berdasarkan hadith yang menyebut bahawa umat Islam berpecah kepada 73 golongan, yang selamat hanya satu, iaitu mereka ‘yang berada di atas perjalanan hidupku dan para sahabatku’ (ما أناعليه وأصحابي); mereka disebut sebagai ‘Ahlissunnah wal-Jamaah’ dalam hadith riwayat al-Tabarani dan juga hadith yang dinukil oleh al-Shahrastani rh dalam *al-Milal wal-Nihalnya*.
- Ahlissunnah merupakan golongan yang berpegang kepada akidah Asya’irah (termasuk juga aliran Maturidiyyah) dalam Ahlissunnah, dengan menggunakan tafsir Ahlissunnah, ilmu hadith Ahlissunnah, fiqh Ahlissunnah, akhlak atau tasawwuf Ahlissunnah, ilmu nahu, saraf dan bahasa Ahlissunnah, para penjaga sempadan negeri-negeri Ahlissunnah (*al-murabitun*), dan orang-orang awam yang mengikut ulama Ahlissunnah. (al-Baghdadi, [antara pemuka Asya’irah dalam Ahlissunnah], dalam *al-Farq baina'l Firaq*, dan *Usul al-Dinnya*). Ini dirujuk kerana ia merupakan hasil rumusan pengalaman Islam dalam sejarah dan peradaban selepas beberapa abad lamanya.

- Ahlissunnah wal-Jamaah yang terhurai dalam doktrin Asya'irah kemudiannya bermula dengan nabi salla'Llahu 'alaihi wa sallam dan para sahabatnya –Allah meredhai mereka semuanya; dikatakan Imam al-Ash'ari rd dan ulama kemudiannya sebagai imam dalam Ahlissunnah sebab ia menyusun hujah-hujah memberi jawapan kepada para penentang Ahlissunnah dan menjelas isu-isunya dengan nyata sehingga nyatalah kebenaran Aqhlissunnah sampai sekarang. Adapun ajaran dan amalan Ahlissunnah pada zatnya sendiri bermula dengan nabi salla'Llahu alaihi wa sallam.
- Mereka yang berpegang kepada doktrin Asya'irah dalam Ahlissunnah wal-Jamaah adalah mereka yang mengikut huraian usul al-din atau aqidah mengikut Imam al-Ash'ari –seperti yang dihuraikannya dalam *al-Ibanah*, *Maqalat al-Islamiyyin*, dan lainnya dan al-Maturidi dalam *Usul al-Din* dan lainnya. Maka di abad keempat Hijrah memperlihatkan kegiatan para ulama utama :Imam al-Ash'ari rd mengembangkan ajarannya di Baghdad, Imam al-Tahawi di Mesir, dan di Samarqand al-Maturidi –Allah memberi rahmat kepada mereka semuanya.
- Doktrin Asya'irah dalam Ahlissunnah dari segi akidah ertinya: akidah yang menerangkan rukun-rukun iman seperti Tuhan, para nabi dan rasul, malaikat, kitab samawi, akhirat dan qadha' dan qadar.
- Dihuraikan antaranya akidah sebagai tajuk-tajuk *ilahiyyat*, tentang ketuhanan, *al-nubuwwat* tentang kenabian, dan *al-ghaibiyyat* tentang alam ghaib, atau *al-sam'iyyat*, tentang perkara-perkara kebenaran yang diambil daripada Quran dan sunnah.
- Akidah Asya'irah dalam Ahlissunnah (selain dari padanya Maturidiyyah) itu relevan dan mesti menjadi pegangan sampai sekarang dan seterusnya sehingga ke akhir zaman. Hanya huraian-huraiannya mungkin memerlukan tambahan-tambahan maklumat dan contoh-contoh untuk menjelaskan isu-isu yang dibicarakan. kebenaran-kebenarannya terus diperlukan untuk menyelamatkan manusia secara hakiki. Ringkasnya doktrin Asya'irah dalam akidah Ahlissunnah mesti kekal menjadi pegangan umat dengan huraian-huraian tentang soal-soal ketuhanan, kerasulan dan alam ghaib.
- Pendirian pascamodernis tentang akidah yang mahu supaya metafisika klasik ditolak, alam ghaib atau 'yang transenden' mesti ditolak, yang sakral mesti ditolak (desacralization), perkara-perkara luar biasa seperti mu'jizat mesti ditolak (demythologization), konfrontasi antara yang hak dan yang batil ditolak sebagai 'irrelevant confrontations' - itu semuanya bercanggah

dengan doktrin Asya'irah dalam Ahlissunnah wal-Jamaah dan mesti disanggah dan ditunjukkan tidak benarnya itu. Juga pendiriannya yang menolak kebenaran-kebenaran yang kekal abadi, sebab katanya, semuanya berubah-ubah mengikut 'imaginasi sosial' –imaginasi sosiallah yang menerbitkan ilmu dan untuknya ilmu dilahirkan (*knowledge is produced by and for social imagination*) - itu menyanggahi doktrin Asya'irah dalam Ahlissunnah yang berdasarkan Qur'an, Sunnah dan ijma' para imam yang menentukan akidah umat ini. Erti-erti dalam akidah kekal tidak berubah dari dulu sampai sekarang; tambahan-tambahan dalam huraihan boleh berkembang tetapi hakikat kebenaran di dalamnya kekal.

**Pembinaan Umat** melibatkan segi epistemologi yang memandu dan menentukan coraknya:

- Epistemologi ialah huraihan berkenaan dengan takrif ilmu, kemuliaan ilmu, punca-punca ilmu, kategori-kategori ilmu, pentarafan ilmu, kesakralannya, matlamat dan objektifnya
- Timbul takrifan ilmu sebagai mengetahui yang dimaklumi mengikut apa yang sebenarnya, dengan dalil dan yakin-seperti takrif Imam Shafi'i rd dalam *al-Fiqh al-Akbarnya*<sup>2</sup>, dan lain-lainnya, sumber-sumber ilmu dengan Quran, Sunnah, ijma', pengamatan pancaindera manusia dengan alat-alatnya, akal fikiran manusia, pengembangan aspek-aspek akal manusia, intuisi dan yang sepertinya, manusia dan 'malakah-malah'nya, ilmu dengan taraf-tarafnya (ilmu yang akli, yang bersifat hal, yang berupa *haqa'iq*)
- Kemunculan ilmu-ilmu dalam tamadun Islam seperti yang dihuraikan oleh ibn Khaldun dalam *al-Muqaddimah*, oleh ibn Nadim dalam *al-Fihrist*, oleh Tash Kopruzade dalam *Miftah al-Sa'adah*, demikian seterusnya
- Huraian tentang perkembang ilmu-ilmu Syar'iyyah dengan ilmu-ilmu tentang Quran, hadith, tasawwuf, usul al-din, ilm al-kalam, fiqh, ilmu bahasa, nahu, sastera, balaghah, ilmu sirah, tarikh, falsafah dan etika; ilmu-ilmu akliyah seperti fisik, biologi, seni bina, ilmu pertanian, dan seterusnya yang boleh dikembangkan kefahaman tentangmnya dalam kerangka Ahlissunnah seperti yang disenaraikan oleh ibn Khaldun dalam bab VI *al-Muqaddimahnya*.

---

<sup>2</sup> Takrifnya dalam 'al-Fiqh al-Akbar'nya ialah 'pengetahuan tentang yang diketahui mengikut apa yang sebenarnya' (ma'rifatul ma'lum 'ala ma huwa bihi) dan takrif yang seperti itu terdapat pada teks 'al-Tamhid' oleh al-Baqillani yang merupakan pemuka Asya'irah yang terkenal itu.

- Maka lahirlah metodologi ilmu-ilmu dalam Islam dengan tafsir Quran dengan metodologinya, hadith dengan metodologinya, usul al-din dengan metodologinya, tasawwuf dengan metodologinya, sejarah dan sirah dengan metodologinya, demikian seterusnya dengan ilmu-ilmu seperti kimia, fisik, geografi, pertanian, pertukangan dengan metodologinya masing-masing (dan sekarang boleh ditambah dengan disiplin-disiplin baru seperti ICT, nanoteknologi, bioteknologi, kajian tentang angkasa lepas bila diperlukan, demikian seterusnya; semuanya berlaku dalam kerangka kefahaman tentang ilmu yang diajarkan dalam Ahlissunnah wal-jamaah.
- Demikianlah keadaannya pandangan Asya'irah dalam Ahlissunnah sebagai epistemologi lengkap. Dan memang identiti Ahlissunnah wal-Jamaah adalah dari segi epistemologinya, sebagaimana yang jelas sekali dinyatakan oleh 'Aqbd al-Qahir al-Baghdadi rh dalam *al-Farq bainal-Firaq* dan *Usul al-Dinnya*. Demikian juga nampaknya apa yang ditunjukkan oleh al-Shahrastani rh dalam kitabnya *al-Milal wa al-Nihal* yang terkenal itu, antara lainnya
- Ini perlu ditanggapi dengan nyata supaya dari segi epistemologi kita tidak tersasul membebaskan pengetahuan daripada kerangka besar ini, *grand narrative* ini.
- Selain daripada Qur'an dan Sunnah serta ijma' maka wacana-wacana Sunni yang menentukan panduan kita ialah dari segi aqidah Imam a-Ash'ari rd dan al-Maturidi rd, dari segi fiqh imam-imam mujtahidin, kalau kita di Dunia Melayu Imam al-Syafi'e rd, dari segi akhlak, kerohanian dan falsafah, Imam al-Ghazali rd dan yang sepertinya, dan kalau dari segi budaya dan peradaban, Ibn Khaldun dengan tambahan-tambahannya.
- Yang menariknya Syah Waliyu'Llah al-Dihlawi rh dalam 'al-Khair al-Kathir'nya menyebut tentang keunggulan doktrin al-Asy'ari dan Imam al-Syafie, masing-masing dalam akidah dan fiqh sebagai doktrin yang paling menyamai apa yang menjadi pegangan para sahabat - Allah meredhai mereka semua. Amin.
- Epistemologi Asya'irah (dan Maturudiyyah) dengan kutub-kutubnya seperti Asyari-Maturidi dalam akidah, para imam Mujtahidin dalam fiqh, al-Ghazali rd dan yang sepertinya dalam bidang kerohanian, akhlak, dan falsafah (di zaman moden termasuk Badiuzzaman Sa'id Nursi), serta ibn Khaldun (di zaman moden Malik Bennabi) dalam bidang ketamadunan dan budaya.

### Ahlissunnah sebagai kerangka peradaban:

- Dalam memahami Doktrin Asya'irah dalam Ahlissunnah sebagai kerangka peradaban kita boleh bermula dengan beberapa kenyataan pokok:
- Yakni bahawa peradaban pada objektif terakhirnya adalah untuk menjadi alam di mana Kebesaran Tuhan dan kalimahNya terserlah; sebab itu Qur'an menyatakan (maksudnya); '*Dialah Tuhan yang menjadikan tujuh lapis langit dan bumi demikian juga, turun Perintah di kalangan semua itu supaya kamu mengetahui bahawa Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu dan bahawa Allah meliputi segalanya dengan ilmuNya*' (al-Talaq:12); dan ayat yang bermaksud: *Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadat kepadaKu /menyembahKu*' (al-Dhariyat: 56); dan ayat yang bermaksud '*Bertasbih kepada Allah segala yang ada di langit dan di bumi Raja yang Maha Suci, Maha Tinggi dalam kekuasaan lagi Maha Bijaksana*' (al-Jumuah:1) dan yang sepertinya. Maka alam ini dijadikan untuk menjadikan nyata KebesaranNya dan kalamNya. Dan manusia dijadikan khalifahNya di bumi (Al Baqarah:30) ... *dengan diajarkan segala nama-nama benda dengan khasiat-khasiat dan kelebihan-kelebihannya* (Al Baqarah:31) sebagaimana yang dihuraikan oleh Imam Fakhr al-Din al-razi dalam *Tafsir al-Kabirnya*, dan al-Baidhawi dalam *Tafsirnya* dan dilanjutkan huraihan dalam hasyiahnya oleh Syaikh Zadeh. Dan manusia membina peradaban dengan mengimarahkan hidup di bumi.
- Kemudian kita sampai kepada kenyataan bahawa agama sekurang-kurangnya ada tiga paras memahaminya; pertama ia sebagai wahyu dan nubuwwah (dengan pemahaman tentang Quran dan hadith); kemudian agama sebagaimana yang dihuraikan dalam teks-teks yang menyatakan secara terperinci ilmu-ilmu itu yang punca asalnya dari wahyu, nubuwwah dan pemahaman manusia; para berikutnya ialah bila ia diamalkan oleh umat manusia dalam kumpulan ramai mereka (masyarakat atau kolektiviti mereka). Pada para sini timbul tamadun atau pada para sini timbul tamadun atau peradaban.
- Dalam hubungan dengan peradaban kita boleh majukan pertanyaan: Tidakkah peradaban 'khaira ummatin' di Madinah itu Sunni? ('ma 'ana 'alaihi wa ashabi')? Kita jawab, ya Sunni. Tidakkah peradaban di Damsyik itu Sunni? Yang di Baghdad itu Sunni? Yang di Andalusia itu Sunni? Yang di Istanbul itu Sunni? Yang di Melaka, Semudera Pasai dan Acheh itu Sunni? Yang di Kahirah, Moroko itu Sunnni? Yang di Delhi itu Sunni (melainkan beberapa waktu yang tidak lama)? Peradaban-peradaban ini adalah peradaban Sunnmi yang merupakan '*ambiance*' atau suasana alam manusawi yang di dalamnya terjelma kebesaran Tuhan dan kalamNya. Ya, ada kelemahan-kelemahannya kerana dunia ini bukan jannatul-firdaus.

Tetapi inilah alam-alam manusia yang di dalamnya terjelma kebesaran Ilahi dan kalamNya dengan cara yang sebaiknya sebelum daripada kemunculan alam yang kekal abadi itu. Dan alam-alam manusia yang kita sebut sebagai peradaban itu muncul dalam kerangka kefahaman Ahlissunnah wal-jamaah, bukan Khawarij, Batiniyyah dan lainnya. Golongan lain boleh berada dan berfungsi di dalamnya sebab kerangka ini sangat toleran dan bertasamuh; kerangka lain jelas tidak mempunyai sifat-sifat yang ada padanya. Ia adalah kerangka 'menengah' yang menjadi corak bagi umat ini. Maka peradaban dalam kerangka inilah yang kita perlu teruskan dan semarakkan lagi kejayaannya. Amin.

- Sekadar menyebut beberapa nama tidakkah al-Juwaini pengikut Asya'irah? Al-Baqillani? Al-Ghazali, Fakhr al-Din al-Razi, al-Sanusi? Salah al-Din al-Ayyubi? Dan da'i terkenal al-syahid Hasan al-Banna adalah pengikut Asya'irah? Ringkasnya mereka dan ramai yang lain lagi adalah pengikut Ahlissunnah wal-Jamaah, termasuk para pengikut mazhab yang empat itu; mereka di Dunia Melayu adalah Ahlissunnah dan pengikut Imam al-Asy'ari. Teks-teks usul al-din di Dunia Melayu adalah teks-teks yang memaparkan aliran Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari rd.
- Apakah kerangka itu? Sekadar menyebut untuk pendahuluan ia adalah kerangka yang dicirikan oleh elemen-elemen pokok:
- Tauhid dengan huraianya yang mencakupi semua perkara, daripada tauhid tentang Tuhan, tentang kehidupan manusia, diri manusia, masyarakat, umat
- Tauhid dalam pemahaman ilmu dan tamadun
- Kenabian dengan kedudukannya sebagai punca ilmu pengetahuan, panduan tentang ilmu pengetahuan, panduan hidup bertamadun dan masyarakat
- Hidup dunia dan akhirat diberikan perspektif yang betul secara integrasi tidak terpisah-pisah antara keduanya, dengan itu tidak ada sekularisme dalam erti falsafah di dalamnya; demikian pula yang lain-lain yang sepertinya.
- Kemuliaan ilmu pengetahuan dan kemajuannya serta pengembangannya , yang berfaedah dijayakan, yang berbahaya tidak dijayakan
- Kedudukan yang wajar antara agama, wahyu dan ilmu pengetahuan
- Kedudukan yang sepadu antara ilmu akli dan nakli

- Kedudukan yang harmonis antara seni dan sains serta teknologi
- Islamisasi ilmu dalam kerangka epistemologis Asya'irah dalam Ahlissunnah wal-Jamaah
- Hubungan yang baik dan harmonis antara individu, keluarga dan masyarakat dengan adab-adab dan aturan-aturannya
- Kedudukan sepadu dan terarah dalam hubungan antara ulil-amri dan umat umumnya
- Kedudukan epistemologi Asyariah dalam Ahlissunnah (termasuk Maturidiyyah) dalam hubungan dengan pemikiran moden dan pascamodern (yang memerlukan pendetailan)
- Budaya 'al-din al-nasihah' yang berkesan dan menyeluruh, bukan budaya '*anti-establishment culture*'
- Kemajuan duniawi sebagai suasana untuk pembentukan hidup membina peribadi manusia berdasarkan '**budaya uswatun hasanah**' bukan budaya 'selebriti' (walaupun selebriti dalam perspektifnya yang betul dibenarkan)
- Kesedaran tentang kedudukan hubungan yang harmonis di kalangan bangsa-bangsa dan kaum-kaum serta agama-agama

Demikianlah secara ringkasnya – sebagai pengamatan-pengataman awal - pembicaraan tentang doktrin Asya'irah dalam perspektif pembangunan ummah Islamiyyah dan elemen-elemen pokok dalam pembinaannya. Dengan itu maka pemikiran dalam bidang ini perlu diteruskan dengan membuat perincian dalam bahagian-bahagian yang memerlukannya, dengan pembetulan dan penambahan di mana yang diperlukan, serta dengan langkah-langkah praktikal dalam menjayakannya, bersekali dengan penyusunan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang dalam menjayakannya. Moga-moga Allah menunjukkan kita kepada jalan yang lurus, amin.

Wallahu a'lam.